

[UTAMA](#) [TERKINI](#) [NASIONAL](#) [MAHKAMAH](#) [POLITIK](#) [JENAYAH](#) [SUKAN](#) [LUAR NEGAR](#)**TUMPUAN :** Ihsedzan mahu Yang Dipertua PAS Bangi mohon maaf [VIDEO] Pemilik ladang ternak babi,

## Perpaduan kaum perlu dititikberatkan sepanjang PRN – Aaron Ago Dagang

🕒 09 Jul 2023, 4:43pm



Oleh : Rusyaidi Hafiz Shahid

PUTRAJAYA : Masyarakat diingatkan supaya tidak membangkitkan sebarang isu yang boleh memecahkan perpaduan antara kaum sepanjang berlangsungnya Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam buah negeri, bulan depan.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ia bagi mengelakkan wujudnya kegusaran dan mendatangkan rasa tidak harmoni dalam kalangan masyarakat sepanjang perjalanan PRN kelak.

“Walaupun pilihanraya akan berlangsung nanti, saya berharap masyarakat tetap menjaga perpaduan sesama kaum”

“Janganlah berkempen dengan cara yang tidak menjaga sensitiviti yang boleh membawa kepada perpecahan antara masyarakat” ujar beliau ketika ditemui media selepas merasmikan Majlis Pelancaran ‘Ini warisan kita, Melestarikan Perpaduan’ di Putrajaya.

UTAMA TERKINI NASIONAL MAHKAMAH POLITIK JENAYAH SUKAN LUAR NEGAR...



**TUMPUAN :** Ihsedzan mahu Yang Dipertua PAS Bangi mohon maaf [VIDEO] Pemilik ladang ternak babi,

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 12 Ogos sebagai hari pengundian bagi enam Pilihan Raya Negeri (PRN) melibatkan enam negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah, Terengganu dan Kelantan.

Tarikh penamaan calon pula ditetapkan pada 29 Julai manakala pengundian awal pada 8 Ogos.

Bagi tempoh berkempen, ia ditetapkan 14 hari bermula selepas pengisytiharan calon yang bertanding pada 29 Julai sehingga 11.59 malam, 11 Ogos.

## BERITA BERKAITAN